

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 13 SEPTEMBER 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SESI PENERANGAN PETANI BERMULA, NASIONAL, BH -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	AGRICULTURE MINISTER: MYGAP CERTIFICATION'S REVIEW REDUCED TO 3 MONTHS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	
3.	27 TUKUN TIRUAN DILETAKKAN DI DUA PERAIRAN, SINAR TENGAH, SH -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	SAM SHOCKED THAT MALAYSIA OPPOSED SHARK PROTECTION, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A16	
5.	SAM SHOCK WITH MALAYSIA VOTED AGAINST SHARK PROTECTION, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -14	
6.	SAM SHOCKED THAT MALAYSIA VOTES TO OPPOSE PROTECTION FOR ENDANGERED SHARK SPECIES, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4b	
7.	TIADA DAYA PENARIK, KILANG AIS FAKTOR GAGAL TARIK PELANGGAN, NASIONAL, BH -26	
8.	PEKERJA KONTRAK DIARAH BELA DIRI, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9.	SUMBAT KUCING DALAM MESIN PENGERING, PEKERJA KONTRAK DIARAH BELA DIRI, NASIONAL, SH -19	
10.	BUNUH KUCING: LELAKI DIPERINTAH BELA DIRI, DALAM NEGERI, UM -42	
11.	PELABUHAN IKAN TANJUNG BAKO PROJEK GAJAH PUTIH, NASIONAL, BH -26	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12.	KADA WUJUD JAWATANKUASA PERUNDINGAN ISLAM, SINAR TIMUR, SH -31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
13.	KELANTAN EKSPORT TEBU TELUR, SINAR TIMUR, SH -31	LAIN-LAIN
14.	AMALAN PEMAKANAN SALAD, PESONA, KOSMO -23	
15.	MANFAAT SALAD UNTUK KESIHATAN TUBUH, PESONA, KOSMO -24	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ladang padi berskala besar

Sesi peneranganan petani bermula

Petugas khas turut dibentuk bantu kenal pasti kaedah pelaksanaan

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata satu pasukan petugas khas juga akan dibentuk bagi mengenal pasti kaedah perlaksanaannya supaya matlamat untuk menjana produktiviti serta pendapatan yang lebih lumayan untuk petani berhasil.

"Kita perlu meningkatkan komunikasi kita dengan petani supaya jangan ada salah faham dan ini penting untuk kita puanggil semua dalam rantauan ini untuk diberikan penerangan."

"Jangan ada prasangka yang kita mahu menjadi golongan kapitalis yang hanya mahu mengaut keuntungan. Objektif kita adalah untuk meningkatkan pendapatan petani dan mengarur tanah mereka dengan lebih profesional," katanya.

Oleh Zanariah Abd Mutualib
zanariah_mutualib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sudah memulakan sesi penerangan kepada pihak berkepentingan terutama golongan petani dalam usaha mencantumkan tanah sawah untuk menjadi ladang padi berskala besar.

skim Ezi Amalan Pertanian Baik Malaysia (MYGAP) di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pesawahan kecil perlu mencantumkan tanah milik mereka bagi dijadikan ladang padi yang diurus secara profesional dan menjana keuntungan.

Beliau berkata, jika usaha itu tidak dilakukan, pesawahan kecil akan terus menjadi antara rakyat termiskin di negara ini yang bersantung kepada subsidi dalam pertanian sawah.

Ditanya lanjut mengenai model pelaksanaan pencantuman itu kelak, Salahuddin berkata, sejatinya model terbaik adalah melalui koperasi, namun semua model akan ditentu-

Salahuddin melawat gerai pameran selepas majlis pelancaran Ezi MYGAP di Kuala Lumpur, semalam.

[Foto Zurnur Al Shafiq/BH]

Thailand dan Indonesia, supaya dapat mengenal pasti kelebihan dan kekurangannya.

Mengenai Ezi MYGAP, Salahuddin berkata, proses bagi mendapatkan pensijilan bagi subsektor pertanian itu dipercepatkan daripada dua tahun kepada 90 hari dalam usaha menggalakkan lebih banyak petani dan usahawan memperoleh sijil itu.



Salahuddin melawat gerai pameran selepas majlis pelancaran Ezi MYGAP di Kuala Lumpur, semalam.

[Foto Zurnur Al Shafiq/BH]

Thailand dan Indonesia, supaya dapat mengenal pasti kelebihan dan kekurangannya.

Mengenai Ezi MYGAP, Salahuddin berkata, proses bagi mendapatkan pensijilan bagi subsektor pertanian itu dipercepatkan daripada dua tahun kepada 90 hari dalam usaha menggalakkan lebih banyak petani dan usahawan memperoleh sijil itu.

Salahuddin berkata, kementerian juga akan mengkaji pelaksanaan pencantuman tanah sawah itu yang sudah dilaksanakan di

Thailand dan Indonesia, supaya dapat mengenal pasti kelebihan dan kekurangannya.

Mengenai Ezi MYGAP, Salahuddin berkata, proses bagi mendapatkan pensijilan bagi subsektor pertanian itu dipercepatkan daripada dua tahun kepada 90 hari dalam usaha menggalakkan lebih banyak petani dan usahawan memperoleh sijil itu.

Salahuddin berkata, kementerian juga akan mengkaji pelaksanaan pencantuman tanah sawah itu yang sudah dilaksanakan di

Headline	Agriculture Minister: myGAP certification's review reduced to 3 months		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	13 Sep 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	461 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,799
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,396



沙拉胡丁（中）视察良好农业规范认证（myGAP）认证的农产品。左起为蔡添强、沙霖、右二为纳希尔。

农长：不影响标准指南 良规认证审核缩至3个月

（吉隆坡 12 日讯）农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁说，该部已将申请良好农业规范认证（myGAP）的期限从 2 年减至 3 个月，但不会因此在程序、协议和审计等方面有所妥协。

他说，良好农业规范认证申请期限缩短的措施，目前已初步实施，并将于明年十月全面落实。

他说，目前，申请相关认证，需要 6 个月至 2 年才能获得。

“因此，政府通过农业局采取措施，通过增强现有的文

件，简化申请程序。

“这些改进不会影响 MS 1784：2016 中规定的标准和指南。通过简化良好农业规范认证文档，与之前至少 6 个月相比，最低认证流程缩短为仅 3 个月。”

沙拉胡丁今日为“种植业 EZI myGAP 文件推介礼”主持推介仪式时这么说。

出席者包括农业与农基工业部副秘书长（发展）拿督沙霖、农业局副总监纳希尔、大马生产力机构主席蔡添强及永旺企业营销总经理唐葆驥。

确保食品安全

沙拉胡丁说，良好农业规范认证可确保安全的食品生产和购买，让大马和发达国家平起平坐。

他说，自 2002 年推出以来，截至今年，共有 4366 个水稻、蔬菜和水果农场，获得了良好农业规范认证，228 个获颁了有机 myOrganic 认证。

“另外，434 个水产养殖农场，2121 个燕屋，486 个畜牧场，已通过良好农业规范认证。

“已注册的农场估计为 110 万公顷，因此我们发现只有 2 万 9434.66 公顷（2.67%）的农场拥有良好农业实践 myGAP 或有机 myOrganic 证书。”

27 tukun tiruan diletakkan di dua perairan

ROMPIN - Jabatan Perikanan Pahang akan menyediakan 27 unit tukun tiruan jenis kuboid di perairan Pulau Tioman dan Rompin di sini.

Tukun tiruan berharga RM493,000 dengan berat 10 tan setiap satunya akan dilabuhkan dalam jarak lima batu nautika pada kedalaman 15 meter.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, pembuatan tukun tiruan di perairan Rompin kali ini dilakukan semula selepas hampir sembilan tahun.

“Tukun akan disusun pada jarak 4.5 meter antara satu sama lain manakala jarak susunan di perairan Pulau Tioman ialah dua

batu nautika dari pantai membabitkan kedalaman 20 meter.

“Tukun tiruan konkrit empat segi itu akan berfungsi sebagai tempat pembiakan pelbagai jenis ikan seperti kerapu, kerisi, merah, selar kuning dan kembung,” katanya pada Majlis Pelancaran Tukun Tiruan di Tanjung Genuk di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Cawangan Pengurusan Sumber dan Pelesenan Jabatan Perikanan Pahang, Ahmad Fa'izzi Kastolany sebelum pelepasan tukun ke laut.

Azahari berkata, tukun tiruan konkrit turut berfungsi sebagai penghalang atau penyekat aktiviti nelayan pukat tunda yang sebelum ini banyak dilaporkan di perairan negeri.



Sebahagian pegawai Jabatan Perikanan Pahang yang terlibat dalam majlis pelancaran semalam.

Headline	SAM shocked that Malaysia opposes shark protection		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	13 Sep 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A16	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	352 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,116
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,348



槟城12日讯 | 马来西亚投票反对保护濒临灭绝的鲨鱼物种。今大马自然之友(SAH)感到震惊。

大马自然之友主席米娜诗拉曼今日发文告说，世界鲨鱼物种的命运就落在20个捕猎国手中，包括马来西亚。

“当中多个国家无意保护这些濒危物种。他们必须采取行动停止鲨鱼数量继续下降，确保过度捕捞和割取鱼翅不再令这种濒危物种受到威胁的情况继续发展下去。”

她指濒危物种国际贸易公

自然之友震惊大马反对护鲨

约(CITES)在保护鲨鱼和鲸鱼方面，没将它列入禁捕的18种鲨鱼物种之内，而是控制其贸易，确保国际鲨鱼与貌如鲨鱼的鱼类在交易中不会走向灭绝。

她说，马来西亚没有遵守CITES的建议，是因为这些鱼是被抓的，而不是被捕捞的。

她说，在马来西亚，属于CITES范畴的鲨鱼可以吃，是因为它在农业部的渔业法令中被

列为「鱼」。

农业部的做法，趋向食物、蛋白质和消费，而非保护这些物种。」

东马没控制捕捞

她认为，鲨鱼被界定为「鱼」是不妥的。市场高度需求鱼翅，是目前无法禁捕或抓鱼的原因为。由于设有相关禁制，许多鲨鱼物种已濒临灭绝。

和数据下降。

她表示，国际野生物贸易研究组织(TRAFFIC)是监视野生物种贸易的非政府组织。它在2017年进行的研究，将马来西亚列为象翅进口数量第三大的国家，前两者是中国和中国。

她指同一项研究也注明灰鲭鲨(mako shark)是排名第二的鲨鱼交易物种，也是马来西亚投票反对实施贸易法规的鲨

鱼物种。

「不管原因是抓还是捕捞，在东马并没有控制鲨鱼的捕捞数据，也不清楚目前的捕捞水平是否对所有或某些鲨鱼物种是可持续的。」

她说，鲨鱼和鲸鱼是海洋最重要的肉食动物，并可平衡海洋生态系统。失去鲨鱼和鲸鱼会有意想不到的后果。

「仅仅禁止鱼翅交易并不能解决问题，鲨鱼依然面对持续性的捕捞。必须做的是，禁止捕鲨，不只是禁制鱼翅而已。」

Headline	SAM shock with Malaysia voted against shark protection		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	13 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	14	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	137 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,051
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,154



大馬反對保護瀕危鯊魚 自然之友震驚

（八打灵再也12日讯）大马自然之友（SAM）主席米娜诗拉曼表示，她对于马来西亚投票反对保护濒临灭绝的鲨鱼物种感到震惊。

她认为，世界上20个鲨鱼捕猎国，包括马来西亚，必须采取行动停止鲨鱼数量继续下降，确保过度捕捞和割取鱼翅不再令这种临危物种受到威胁的情况继续发展下去。

米娜诗拉曼今日发文告指出，濒危物种国际贸易公约（CITES）在保护鲨鱼和鳐鱼方面，并没有将之列入禁捕范围，仅控制其贸易，该公约只是确保国际鲨鱼与貌如鲨鱼的鱼类在交易中不会走向灭绝。

渔业法令列为鱼

“然而，我国没有遵守该公约的建议，在我国，属于该公约范畴的鲨鱼是可以食用的，因为它在农业部的渔业法令中被列为‘鱼’，根据农业部的做

法，趋向食物、蛋白质和消费，而非保护这些物种。”

她补充，由于市场高度需求鱼翅，导致鲨鱼不断被捕抓，然而，因为没有约束捕抓，许多鲨鱼物种已面临灭绝和数量下降。

米娜诗拉曼说，灰鲭鲨（mako shark）是排名第二的鲨鱼交易物种，也是马来西亚投票反对实施贸易法规的鲨鱼物种。此外，东马也没有控制鲨鱼的捕捞数量，所以不清楚目前的捕抓水平是否对所有或某些鲨鱼物种是可持续。

她表示，鲨鱼和鳐鱼是海洋最重要的食肉动物，并可平衡海洋生态系统，失去鲨鱼和鳐鱼会有意想不到的后果。

“保护鲨鱼的醒觉在全球升温，并且需要可执行的方案去终止鲨鱼数量下降之势。仅仅禁止鱼翅交易并不能解决问题，鲨鱼依然面对不可持续的捕抓，必须做的是，禁止猎鲨，不只是抓割鱼翅而已。”

Headline	SAM shocked that Malaysia votes to oppose protection for endangered shark species		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	13 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,792
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,376



保护濒临灭绝鲨鱼物种 我国投反对票 自然之友震惊

（槟城 12 日讯）马来西亚投票反对保护濒临灭绝的鲨鱼物种，令大马自然之友（SAM）感到震惊。

大马自然之友主席米娜诗拉曼周四发文告说，世界鲨鱼物种的命运就落在 20 个捕猎国手中，包括马来西亚。

“当中多个国家无意保护这些濒危物种。他们必须采取行动停止鲨鱼数量继续下降，确保过度捕捞和割取鱼翅不再令这种濒危物种受到威胁的情况继续发展下去。”

她说，支持圈保护一些海洋生物的承诺值得激赏，并已减低这些物种面临灭绝的风险。

她指出，濒危物种国际贸易公约（CITES）在保护鲨鱼和鳐鱼方面，没将它们列入禁捕的 18 种鲨鱼物种之内，而是控制其贸易，确保国际鲨鱼与貌如鲨鱼的鱼类在交易中不会走向灭绝。

她说，马来西亚没有遵

守 CITES 的建议，是因为这些鱼是被抓的，而不是被捕捞的。

“如何会有这种观点，是完全根据东南亚鲨鱼专家的看法。当然，其中还有其他原因，例如受到大部分东盟国家反对。另外，根据联合国粮食及农业组织的研究，由于没有达到某些规格，这些鲨鱼并不适合保护。”

她说，在马来西亚，属于 CITES 范畴的鲨鱼可以吃，是因为它在农业部的渔业法令中被列为“鱼”。农

业部的做法，趋向食物、蛋白质和消费，而非保护这些物种。

被界定为“鱼”

鲨鱼很不幸

她认为，鲨鱼被界定为“鱼”是不幸的。市场高度需求鱼翅，是目前出现不永续的捕抓鲨鱼的原因。由于没有约束捕抓，许多鲨鱼物种已面临灭绝和数量下降。

国际野生生物贸易研究组织（TRAFFIC）是监视野生生物种贸易的非政府组织。它在 2017 年进行的研究，将马来西亚列为鱼翅进口数量第三大的国家，前两者是香港和中国。

同一项研究也注明灰鲭鲨（mako shark）是排名第二的鲨鱼交易物种，也是马来西亚投票反对实施贸易法规的鲨鱼物种。

“不管导因是抓还是捕捞，在东马并没有控制鲨鱼

的捕捞数量，也不清楚目前的捕抓水平是否对所有或某些鲨鱼物种是可持续的。”

她说，鲨鱼和鳐鱼是海洋最重要的食肉动物，并可平衡海洋生态系统，失去鲨鱼和鳐鱼会有意想不到的后果。

“保护鲨鱼的醒觉在全球升温，并且需要可执行的方案去终止鲨鱼数量下降之势。仅仅禁止鱼翅交易并不能解决问题，鲨鱼依然面对不可持续的捕抓。必须做的是，禁止猎鲨，不只是抓割鱼翅而已。”



Kes bunuh kucing dalam mesin pengering

Pekerja kontrak diarah bela diri

Oleh TAUFIK SALIMIN

SELAYANG — Seorang pekerja kontрак yang didakwa membunuh kucing bunting dengan memasukkan haiwan itu ke dalam mesin pengering di sebuah dobi layar diri diperintah bela diri bagi pertuduhan itu semalam.

Hakim Mahkamah Sesyen, Rasyihah Ghazzali mengarahkan K. Ganesh, 42, berbuat demikian selepas mendapat pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie ke atas ter tuduh. “Setelah mendengar dan menilai saksi pendakwaan serta eksibit yang dikemukakan pihak pendakwaan, mahkamah mewujudkan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie.

“Oleh itu, mahkamah memerintahkan ter tuduh membela



KERATAN Kosmo pada 13 September 2018.

diri,” kata Rasyihah.

Menurut Rasyihah, seramai lima saksi pembelaan termasuk ter tuduh akan dipanggil bagi memberi keterangan untuk membela diri yang ditetapkan pada 30 September ini. Jelas Rasyihah, ter tuduh mempunyai pilihan memberi keterangan secara bersumpah dari kandang tertuduh serta memilih untuk berdiam diri.

Ganish mengaku tidak ber-

man Gombak Ria, Batu Caves di sini pada pulak 12.54 tengah malam hingga 1 pagi, 11 September 2018.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjarahan seingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Sebelum ini, tular satu rakaman televisyen litar tertutup mengenai percuttan kejam tiga individu membunuh kucing yang diperdayai bunting dengan cara memasukkan haiwan itu ke dalam mesin pengering di sebuah kedai dobi.

Percuttan itu mendapat kecaman orang ramai sebelum Persatuhan Haiwan Malaysia bertindak membuat laporan polis.



Kucing bunting diariaya sampai mati
Ganesha (tengah) membunuh kucing bunting dengan cara memasukkan haiwan itu ke dalam mesin pengering di Mahkamah Sesyen Selangor pada 16 Oktober tahun lalu.

nyebabkan kesakitan atau pen deritaan yang tidak sepatutnya ke atas seekor kucing di Dobi Queen Self Service Laundry, Ta-

Sumbat kucing dalam mesin pengering, pekerja kontrak diarah bela diri

KUALA LUMPUR - Seorang pekerja kontrak yang memasukkan kucing ke dalam mesin pengering di sebuah dobi layan diri diperintahkan membela diri terhadap pertuduhan mendatangkan penderitaan yang tidak sepatutnya ke atas haiwan itu semalam.

Hakim Mahkamah Sesyen Selayang, Rasyihah Ghazali membuat keputusan itu terhadap K Ganesh, 42, selepas mendapat pihak pendakwaan

berjaya membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan.

“Setelah mendengar dan meneliti saksi pendakwaan dan ekhibit yang dikemukakan pendakwaan, mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap pertuduhan yang dikemukakan,” katanya. Mahkamah menetapkan 30 September untuk tertuduh

Lelaki itu bersama seorang lagi yang telah dituduh didikwawa dengan kejam melakukan apa-apa perbuatan menyebabkan kesakitan atau pendederaan yang tidak sepatutnya terhadap seekor kucing di premis dobi di Taman Gombak Ria, Batu Caves di sini antara jam 12.54 tengah malam dan 1 pagi pada 11 September lepas.

Pertuduhan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Keba-

jikan Haiwan 2015 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 29 (1) akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Kesejaan, yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan mengikut akta tersebut adalah yang pertama dijalankan di negara ini sejak ia berkuat kuasa pada Julai 2017. - Bernama

Bunuh kucing: Lelaki dipertanggungjawabkan

Oleh HANIZA HASSAN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 SEPT.

MAHKAMAH Sesyen Selangor dekat sini hari ini memerintahkan seorang pekerja kontrak yang videonya membunuh kucing bunting dengan cara memasukkannya ke dalam mesin pengering di sebuah dobi layan diri tular untuk membela diri. Hakim Rasyihah Ghazali membuat keputusan itu selepas mendengar dan menyebabkan kesakitan atau pen-

mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan prima facie di akhir kes pendakwaan terhadap K. Ganesh, 42. Mahkamah menetapkan 30 September untuk bicara peringkat bela diri dengan empat orang saksi pembelaan se lain tertuduh akan dipanggil untuk memberi keterangan pada hari tersebut.



K. GANESH

“Setelah mendengar dan menyebabkan kesakitan atau pen-

deritaan yang tidak sepatutnya pada seekor kucing di premis Dobi Queen Self Service Laundry Taman Gombak Ria, Jalan Gombak Ria, Taman Gombak Ria, Batu Caves, dekat sini antara pukul 12.54 tengah malam dan pukul 1 pagi, 11 September tahun lalu.

Delit keterangan saksi pendakwaan dan eksibit-eksibit yang dikemukakan menunjukkan mendapat piyah pendakwaan berjaya membuktikan prima facie. Oleh itu, mahkamah memerintahkan tertuduh membela diri,” katanya.

Mengikut pertuduhan,

“Saya yang tidak diwakili Peguam didakwa mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.”

Pendakwaan mengikut

akta tersebut adalah yang

pertama dijalankan di ne-

gara ini sejak ia berkuat

kuasa pada Julai 2017. Pendakwaan dikendalikan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Ain Shafie dan Roslan Mohd Isa. Seramai lapan saksi pendakwaan telah dipanggil memberi keterangan sepanjang perbicaraan yang bermula 30 Ogos lalu.

Dua rakannya turut didakwa bersama Ganesh sebelum ini,

bagaimanapun A. Mohanraj, 42,

telah dijatuhi hukuman penjara

dua tahun selepas mengaku ber-

salah manakala S. S. Sathiya,

26, pula dilepas dan dibebaskan.

Tahun lalu, tular dalam la-

man sosial rakaman seekor

individu memasukkan seekor

kucing ke dalam mesin peng-

ering pakai di sebuah dobi

layan diri di Taman Gombak Ria,

Gombak dekat sini.

Tiada daya penarik, kilang ais faktor gagal tarik pelanggan

Samarahan: Jauh dari muara sungai, tiada faktor penarik untuk menggamit pelanggan, selain tiada kilang ais antara punca Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako di sini, gagal dimanfaatkan sepenuhnya.

Nelayan pantai, Bujang Leman, 52, berkata mereka memilih mendaratkan hasil tangkapan di Kampung Goebilt dan Kampung Bako kerana terdapat pasar nelayan di dua lokasi berkenaan yang mudah, dikunjungi pelanggan.

"Memang ada kemudahan untuk bot nelayan pantai di Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako, tetapi kami perlu cari tempat memasarkan hasil tangkapan. Lagi pun, ramai tahu mengenai pasar nelayan di Kampung Bako dan Kampung Goebilt.

"Kedua-dua kawasan itu ada lebih ramai penduduk berbanding Tanjung Bako yang sunyi dan jauh dari pemukiman penduduk," katanya namun mengakui, kemudahan di Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako adalah yang terbaik, tetapi tidak bermakna jika kebanyakannya tidak digunakan.

"Pasar Nelayan di Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako misalnya. Apa guna buat pasar di tempat tiada pengunjung," katanya.

Seorang pekerja di Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako, berkata bot nelayan yang singgah di kompleks pelabuhan itu sekadar memungah keluar hasil tangkapan untuk dibantah ke lokasi lain termasuk ke Pasar Petanak di bandar raya Kuching.

"Biasanya bot nelayan laut dalam akan memungah hasil tangkapan dua minggu sekali, tetapi jumlah bot yang singgah tidak banyak. Ramai mungkin menganggap pelabuhan itu sentiasa sibuk kerana ia dirancang menjadi pelabuhan perikanan terbesar di Malaysia dan Asia Tenggara."

"Bagaimanapun, beginilah keadaan sebenarnya. Walaupun sudah setahun siap dan beroperasi, keadaan di sini lengah, hanya sekali-sekali sahaja bot singgah," katanya sambil berharap ada usaha dibuat bagi menarik lebih banyak bot nelayan ke pelabuhan itu.

Seorang awak-awak bot nelayan yang hanya mahu dikenali sebagai Radi, 30-an berkata, ada bot nelayan laut dalam tidak menggunakan Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako kerana pemilik bot memiliki jeti sendiri untuk mendaratkan hasil tangkapan.

"Tauke kami ada jeti sendiri di Muara Tebas yang digunakan sejak berpuluh tahun lalu. Semua kemudahan diperlukan bot nelayan laut dalam termasuk kilang ais dan stesen minyak ada di jeti Muara Tebas," katanya.



Kompleks Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako terbiasa dan gagal menarik pelanggan selepas lebih setahun beroperasi.

(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

Pelabuhan ikan Tanjung Bako projek gajah putih

Kompleks canggih babit kos RM247.8 j terbiasa dan gagal selepas tiga minggu beroperasi

Oleh Mohd Roji Kawi
mroji@bh.com.my

Samarahan: Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako, di sini, yang dirancang menjadi pelabuhan perikanan terbesar Asia Tenggara berisiko menjadik projek 'gajah putih' apabila terus lesu dan gagal menarik pelanggan walaupun sudah lebih setahun beroperasi.

Walaupun dilengkapi pelbagai kemudahan canggih, kompleks pelabuhan itu yang dibangunkan dengan kos RM247.8 juta, jarang disinggahi bot nelayan, sekali gus dikhutari terbiasa jika tiada usaha diambil bagi mengelakkan pembaziran wang rakyat.

Mengikut perancangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), pelabuhan itu disasarkan menjadi pusat pendaratan ikan terbesar di rantau ini kerana lengkap segala kemudahan diperlukan dalam sektor perikanan.

Ia juga dicanangkan untuk menjadikan Tanjung Bako, kawasan terpenting di antara Kuching dan Kota Samarahan sebagai bandar perikanan dilengkapi infrastruktur berteknologi tinggi seperti Kaiman di Labuan dan Kuantan di Pahang.

Kompleks itu antara lain dilengkapi jeti untuk bot kecil, bot tradisional dan bagi mengisi minyak selain kren pemungahan ikan, ruang pembalakan dan penyimpanan pukat, stor penyimpanan kotak ikan serta pejabat untuk peniaga.



Kedua-dua pasar nelayan yang sunyi dan tidak beroperasi.

Yang turut disediakan, bilik sejuk menyimpan hasil tangkapan, bilik penyimpanan blok ais, *blast freezer*, bilik *ice flake* dan ruang kualiti yang mematuhi piawaian eksport Kesatuan Eropah (EU).

Tinjauan BH dari jauh kawasan berpagar antara lain mendapati pasaran nelayan dibuka Mac 2018 khusus untuk nelayan dari kampung sekitar menjual hasil tangkapan, terbiasa begitu sahaja selepas tiga minggu beroperasi kerana dikatakan tidak mendapat sambutan.

Lokasi kompleks yang jauh dari bandar mungkin antara faktor pasaran terhabit tidak mampu menarik pelanggan walaupun peniaga menawarkan ikan segar yang baru didaratan.

BH juga membuat tinjauan di dalam kawasan pelabuhan, termasuk jetinya yang serba canggih, namun dihalang pengawal keselamatan yang memaklumkan ia kawasan larangan untuk orang awam, kecuali pemilik bot atau lori mengangkut hasil tangkapan nelayan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Sri Muara, Jam Hajimi, mengakui banyak kemudahan disediakan di pelabuhan berkenaan untuk manfaat nelayan, khususnya nelayan laut dalam untuk memajukan lagi industri perikan-

nan negeri dan negara.

Namun ketika ini, katanya, nelayan pantai yang menggunakan bot kecil memilih jeti lain terutama di Muara Tebas untuk mendaratkan hasil tangkapan yang tidak sebanyak diperoleh nelayan laut dalam dengan lesen vesel Zon C dan Zon C2.

Jam berkata, antara punca utama pelabuhan canggih itu tidak dimanfaatkan sepenuhnya kerana tiada kilang ais disediakan,

menyebabkan ramai pemilik bot nelayan laut dalam 'tawar hati' menggunakan kemudahan di situ dan sering membantikkan masalah itu.

"Bot nelayan laut dalam hanya singgah memungah hasil tangkapan, kemudahan terus menghantarnya ke lokasi lain. Saya percaya jika kilang ais dibina dan beroperasi sepenuhnya, pelabuhan itu pasti jadi tumpuan lebih banyak bot nelayan laut dalam."

"Nelayan laut dalam perlukan bekalan ais yang banyak setiap kali pelayaran kerana biasanya berada di laut selama dua minggu begitu juga keperluan air untuk menyimpan hasil tangkapan yang diberatkan untuk disimpan di pelabuhan," katanya.

Beliau berkata, memang ada cadangan membina kilang ais dan tapaknya juga ada di luar kompleks pelabuhan itu, namun mereka tidak tahu bila projek itu yang dicadang dibangunkan Persatuan Nelayan Sarawak (PANESA), akan menjadi kenyataan.

"PANESA perlu bincang dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT). Jika keputusan positif, projek itu dijangka dilaksanakan secepat mungkin. Saya percaya jika ada kilang ais, pelabuhan ini pasti jadi tumpuan bot laut dalam," katanya.

Antara punca pelabuhan canggih itu tidak dimanfaatkan, menyebabkan ramai pemilik bot nelayan laut dalam 'tawar hati'gunakan kemudahan di situ.

**Jam Hajimi,
Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Sri Muara**

Kelantan eksport tebu telur

Sasar penanaman 230 hektar pada tahun hadapan

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

Kerajaan Kelantan bersedia membantu petani yang mengusahakan projek penanaman tebu telur yang mendapat permintaan tinggi dari negara luar ketika ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sebanyak 1,600 batang tebu telur dieksport ke Singapura setiap hari yang diuruskan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK).

Menurutnya, beberapa nega-



Tuan Mohd Saripudin menghasikan air tebu menggunakan mesin prototipe yang dibuatkan PKPNK.

ra dari Asia Barat turut menunjukkan minat mengimport tanaman tersebut dari Malaysia.

"Kita galakkan petani menanam tebu telur kerana prospeksinya

sangat baik. Ketika ini hanya memabatkan 46 hektar. Sasaran kita tahun hadapan sekurang-kurangnya 230 hektar," katanya pada sidang akbar selepas me-

rasmikan Kursus Usahawan Tebu di Dewan Utama Majlis Daerah Pasir Puteh di sini semalam.

Kursus itu membabitkan 40 peserta projek yang turut mene-

Tebu telur

- Mampu dijual pada harga RM1.50 hingga RM2.50 sebatang
- Setiap 0.46 hektar tanah boleh ditanam 12,000 pokok tebu telur
- Kini di Kelantan, seluas 46 hektar tanaman tebu telur diusahakan
- 1,600 batang tebu telur dieksport ke Singapura setiap hari

rima benih dan baja.

Tuan Mohd Saripudin berkata, peserta mampu meraih pendapatan sehingga RM20,000 setiap 0.46 hektar tebu telur yang diusahakan.

"Ia boleh ditularkan dalam tempoh lapan bulan, selain tebu yang menghasilkan minuman berkualiti, daunnya amat sesuai dijadikan makanan haiwan," katanya.

KADA wujud Jawatankuasa Perundingan Islam

PASIR MAS - Penubuhan Jawatankuasa Perundingan Islam Lembaga Kemajuan Pertanian Kemulu (KADA) bakal menggalakkan semula amalan pertanian Islam dalam kalangan kakitangannya termasuk pesawahan di bawah seliaan agensi itu.

Pengerusinya, Datuk Husam Musa berkata, jawatankuasa itu juga akan membentuk kerjasama dengan pegawai KADA.

"Satu masa dahulu ulama banyak menulis buku mengenai kepentingan pertanian namun semakin berkurangan selepas kemerdekaan sehingga mengakibatkan Islam terpisah dengan bidang ini (pertanian)."

"Sekarang kita nak gabung semula Islam dengan pertanian dalam usaha mengembalikan semula kegemilangan bidang ini," katanya selepas merasmikan Sambutan Maal Hijrah Peringkat KADA 2019 di Tendong di sini semalam.

Hadir sama Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Beliau turut memberi contoh pertanian di Sepa-



Husam menyampaikan ucapan perasmian pada Sambutan Maal Hijrah Peringkat KADA 2019 di Tandong, Pasir Mas semalam.

nyol yang kini maju selepas transformasi yang dibawa oleh Islam satu ketika dahulu dengan menjadikan negara itu sebagai pengeluar buah zaitun terbaik di dunia.

Katanya, pertanian dalam Islam lebih mesra alam sekali gus dapat menjaga kelestarian bumi.

"Sebagai permulaan, kita lantik pensyarah Universiti Malaya, Profesor Dr Adli Yaakub sebagai pengeterusi."

"Pasukan ini dianggotai oleh pakar dari Universiti Islam Antarabangsa, Dr Mahadi Masood dan bekas Ahli Parlimen Kubang Kerian, Ahmad Baihaqi Atiqullah," katanya.

Bagaimanapun, katanya, senarai ahli jawatankuasa perundingan itu akan ditambah jika ada keperluan.

Dalam perkembangan lain, Husam berkata, petani tidak perlu bimbang jika tanah mereka terlibat dengan projek penyatuansawah.

"Projek itu tidak mengubah status tanah dan masih kekal milik mereka. Contohnya projek ladang merdeka dan mini estet yang dilaksanakan KADA sudah memasuki tahun ke-30."

"Statusnya masih lagi sama dan menerusi projek ini kita dapat tingkatkan hasil pengeluaran dengan banyak," katanya.

DESBAILLETS
(belakang) bergambar bersama para selebriti ketika pembukaan cawangan baharu SaladStop! di NU Sentral, Kuala Lumpur baru-baru ini.

eat wide



SALADSTOP!

PELBAGAI jenis makanan berdasarkan salad sayuran boleh didapati di SaladStop!.



Manfaat salad untuk kesihatan tubuh

GABUNGAN pelbagai jenis salad sayuran membawa selera makan seseorang.



SURI

INFO SaladStop!

- Menawarkan hidangan berasaskan salad sayur-sayuran
- Mula beroperasi pada tahun 2009 di Singapura
- Terdapat dua cawangan di Malaysia iaitu Pavilion dan NU Sentral di Kuala Lumpur

AMALAN pengambilan makanan yang sihat dapat membantu mencegah seseorang daripada mengalami masalah kesihatan pada usia muda.

Pelbagai makanan yang sihat boleh diambil dan antaranya adalah salad sayur-sayuran atau ulam-ulaman.

Mantan Saintis Prinsipal, Pusat Penyelidikan Teknologi Makanan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr. Suri Roowi berkata, salad sayur-sayuran atau ulam-ulaman mempunyai nilai dan khasiatnya yang tersendiri.

"Ulam-ulaman seperti salad, pegaga, ulam raja, selom, tomato ceri, petai, jering dan sebagainya adalah antara ulam yang biasa diambil oleh masyarakat negara ini.

"Sebagai contoh, tomato adalah antara sayuran yang biasa dimakan sebagai ulam. Tomato kaya dengan bahan antioksidan likopen. Bahan berkhasiat jenis ini biasa juga didapati dalam lobak merah dan tembilak" katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Tambahnya, bagi buah tomato khasiat ini hadir pada kuantiti tinggi dalam kulit dan biji tomato.

Kuantiti bahan berkhasiat dalam tomato berbeza mengikut jenisnya dan tomato ceri lebih tinggi kandungan antioksidan berbanding tomato biasa.

Dalam pada itu, Suri yang terlibat secara aktif dalam penyelidikan makanan berkhasiat selama 24 tahun



TERDAPAT lebih 60 ramuan yang boleh dipilih pengunjung di SaladStop!.

menjelaskan, sayuran jenis salad juga mempunyai banyak khasiat untuk tubuh badan.

"Kajian yang dilakukan oleh saintis tempatan dan diterbitkan dalam International Food Research Journal pada tahun 2016 mendapati, salad berwarna merah lebih tinggi kandungan antioksidan berbanding salad biasa.

"Bagaimanapun, salad, bayam, brokoli dan brussel sprout tinggi vitamin K," jelasnya.

Cara pemakanan

Teknik pengambilan sayur-sayuran dan ulam yang betul sangat mempengaruhi penyerapan bahan berkhasiat dalam tubuh.

"Contohnya, kajian mendapati dengan memakan buah tomato secara terus dalam keadaan mentah didapati kurang memberi kesan berbanding memakan tomato yang dimasak menggunakan minyak.

"Ini kerana likopena adalah sejenis bahan berkhasiat larut

minyak, jadi penggunaan minyak ketika memasak tomato boleh meningkatkan penyerapan bahan ini dalam darah," katanya.

Sementara itu, dalam usaha untuk membekalkan makanan segar dan sihat berdasarkan salad sayur-sayuran kepada rakyat negara ini, SaladStop! membuka satu lagi rangkaian cawangan mereka di pusat beli-beli NU Sentral di Kuala Lumpur.

SaladStop! merupakan sebuah restoran dari Singapura yang menyajikan makanan segar dan berkhasiat kepada pengunjung.

Pengarah Urusan SaladStop!, Adrien Desbaillets berkata, restorannya itu menawarkan pelbagai pilihan sayur-sayuran salad, bijirin dan minuman yang sihat.

"Pelanggan boleh menghasilkan menu yang mereka inginkan dengan memilih sendiri lebih daripada 60 ramuan dan 20 pilihan sos istimewa.

"Mereka juga boleh memilih pelbagai hidangan signatur



HIDANGAN berasaskan salad sayur-sayuran mempunyai khasiat tersendiri.

kami seperti Hail Caesar, Earth Bowl yang berasaskan sayur-sayuran atau Mamma Mia menggunakan pasta," katanya ketika pembukaan SaladStop! di pusat beli-beli NU Sentral baru-baru ini.

Hidangan yang lazat, sihat dan berkhasiat yang terdapat di SaladStop! boleh didapati dalam bentuk salad atau wrap.

Kesemua hidangan itu diperbuat daripada bahan-bahan lazat dan segar termasuk kacang Perancis, tomato ceri, kentang, kubis merah dan putih, salad romaine dan banyak lagi.

"Setakat ini kami gembira dengan sambutan di Malaysia dan berharap untuk beberapa tahun akan datang kami dapat membuka rangkaian SaladStop! di beberapa buah negeri dan bersama mendidik masyarakat negara ini mengambil makanan yang sihat.

"Kami juga akan berusaha rapat dengan komuniti setempat dan ladang-ladang di sekitar untuk membekalkan produk-produk segar buat kami kepada pelanggan," katanya.